

Usah diskriminasi bekas pesakit COVID-19

Berita Harian (komentor) 9/2/22 (Rabu)

Oleh Nur Hartini Mohd Hatta
bhrencana@bh.com.my



Penolong Pegawai
Penerbitan
di Universiti Malaysia
Pahang (UMP)

COVID-19 membawa perubahan besar kepada semua. Berdasarkan angka kumulatif sehingga kelmarin dengan 2,776,699 kes jelas sekali bilangan mereka yang dijangkiti amat ramai, begitu juga pesakit yang sudah sembuh.

Bagi pesakit, mereka melalui pengalaman cukup perit. Bukan hanya berjuang melawan virus dalam diri, bahkan ada yang dihina atau disisih disebabkan status sebagai pesakit atau bekas pesakit COVID-19.

Mengapa ini berlaku sedangkan pelbagai hebahan dilakukan mengenai pesakit COVID-19 yang sudah sembuh tidak akan menjadi penyebar kepada orang lain.

Kementerian Kesihatan (KKM) pada 12 Jun 2020 menyatakan hasil pemantauan ujian RT-PCR COVID-19, bekas pesakit akan kekal positif dalam jangka masa panjang disebabkan ujian itu sangat sensitif mengesan kehadiran protein virus.

Namun, mereka tidak bergejala, tidak jatuh sakit atau tidak akan menyebarkan virus kepada keluarga terdekat. Penemuan sama juga dilaporkan di beberapa negara seperti Korea, China, Singapura, dan Jerman.

Yang pasti, stigma ketakutan orang ramai ter-

“Kita perlu bantu mereka, bukannya mengelak, memulau atau melarikan diri. Mereka juga manusia biasa. Apabila dijangkiti, mereka diselubungi rasa bersalah”

hadap bekas pesakit COVID-19 memang benar-benar berlaku. Stigma negatif ini harus dihentikan kerana tanpa sedar akan menimbulkan diskriminasi.

Apa yang perlu kita risaukan bukannya bekas pesakit COVID-19, tetapi seseorang yang tanpa sedar membawa virus senyap atau *silent carrier*.

Atas sebab itu, walaupun masing-masing sudah lengkap menerima dua dos vaksin atau vaksin penggalak, norma baharu masih perlu dijadikan amalan seharian.

Justeru, sebagai rakyat Malaysia yang prihatin dan menyokong gagasan keluarga Malaysia, semua stigma, kata nista, pandangan serong dan diskriminasi kepada bekas pesakit COVID-19 harus dihentikan.

Kita perlu bantu mereka, bukannya mengelak, memulau atau melarikan diri. Mereka juga manusia biasa. Apabila dijangkiti, mereka diselubungi rasa bersalah kerana merasakan merekalah punca virus itu tersebar kepada keluarga atau kenalan terdekat.

Sikap sesetengah majikan yang melarang bekas pesakit COVID-19 yang sudah sembuh, tetapi masih perlu memastikan ujian RT-PCR COVID-19 mereka negatif memburukkan lagi keadaan.

Majikan seharusnya peka dengan saranan dan maklumat KKM. Malah, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata berdasarkan data perangkaan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), seramai 140,608 orang hilang pekerjaan akibat pandemik COVID-19 bagi tempoh Mac 2020 sehingga 20 Ogos 2021.

Mungkin stigma negatif dan diskriminasi sebeginilah menjadi penyebab mengapa bekas pesakit COVID-19 mengalami kesan psikologi yang tinggi. Bukan hanya pesakit, malah keluarga terdekat mereka juga turut menerima tempias dan mengharapkan sokongan moral serta kata-kata positif.

Jadi, sebelum mula melabel bekas pesakit COVID-19, tepuk dada, tanya diri, adakah kita mahu berada dalam situasi itu juga?

Berhati-hatilah sebelum mula mendiskriminasi seseorang kerana pandemik COVID-19 ujian untuk semua.